

Hassan pelopor perusahaan bilis

SEORANG lagi pengusaha ikan bilis di situ, Tuan Shamsuddin Tuan Ismail, 59, berkata, antara pengusaha ikan bilis terawal di sini seorang lelaki Cina dikenali dengan panggilan Hassan.

Hassan atau nama sebenarnya Tan Peng Soon berasal dari Kampung Fikri adalah orang terawal memproses bilis secara komersil lebih 50

tahun lalu.

“Selepas Hassan meninggal dunia, dua anaknya tidak meneruskan perusahaan ini sebaliknya perusahaan ini berkembang dalam kalangan penduduk setempat,” katanya.

Bekas pekerja Hassan, Bidah Yaacob, 73, berkata, dia bekerja dengan Hassan ketika usianya muda dulu.

Menurutnya, 50 tahun lalu di sini tidak ada kemudahan jalan raya dan pekerja mengambil upah menjunjung guni berisi bilis dari kawasan pantai ke jalan utama yang jaraknya kira-kira 1 kilometer itu dengan upah 15 sen seguni.

“Hassan yang paling awal mengusahakan bilis di sini dan sudah menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu,” katanya yang kini bekerja dengan Tuan Shamsuddin.

Bidah sudah lebih 50 tahun terlibat dengan kerja memproses ikan bills.

